**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**
*Department of Fisheries Malaysia*
*Ministry of Agriculture and Food Security*
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI**
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**
**62628 PUTRAJAYA**
**MALAYSIA**

03-8870 4426
ukk@dof.gov.my
http://www.dof.gov.my

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (125)

# SIARAN MEDIA

## DOF SERU KOMUNITI PERIKANAN TINGKATKAN KESIAPSIAGAAN HADAPI MONSUN TIMUR LAUT DAN EL NIÑO

**PUTRAJAYA, 29 Oktober 2026 –** Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyeru komuniti perikanan di seluruh negara, khususnya nelayan laut, nelayan perikanan darat dan penternak akuakultur, supaya meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027 serta kemungkinan kesan fenomena El Niño yang boleh menjejaskan aktiviti perikanan, pengeluaran ikan dan pendapatan mereka.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Adnan bin Hussain berkata, MTL 2026/2027 telah bermula dan dijangka berterusan sehingga pertengahan Mac 2027, manakala fenomena El Niño diramal berterusan sehingga suku kedua 2027.

"Walaupun perubahan cuaca berpotensi menjejaskan pengeluaran perikanan, bekalan ikan negara dijangka masih mencukupi dalam senario stabil. DOF akan terus memantau perkembangan pengeluaran dan bekalan ikan serta bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi membantu memastikan keperluan pengguna terus dipenuhi," katanya.

Berdasarkan prestasi pengeluaran perikanan pada tahun 2025 serta rujukan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), analisis unjuran bagi tempoh Julai hingga Disember 2026 menunjukkan bahawa kesan El Niño dan MTL berpotensi menyebabkan pengeluaran perikanan negara menurun sebanyak 0.6 peratus kepada 894,000 tan metrik, berbanding 899,000 tan metrik dalam senario stabil. Dalam keadaan ini, bekalan ikan negara dijangka masih mencatat lebihan sekitar 26,000 tan metrik.

Bagaimanapun, dalam senario lebih kritikal, pengeluaran berpotensi merosot sebanyak 31 peratus kepada 616,570 tan metrik, sekali gus menyebabkan kekurangan bekalan dianggarkan sebanyak 20,235 tan metrik. Kekurangan bekalan tersebut dijangka dapat ditampung melalui stok penimbal ikan sedia ada di bawah pengurusan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), tertakluk kepada ketersediaan stok, bagi membantu memastikan bekalan ikan kepada pengguna terus mencukupi dan kestabilan pasaran terpelihara.

Dato' Adnan berkata, "Saya menyeru semua nelayan dan penternak akuakultur supaya mengambil langkah persediaan lebih awal dalam menghadapi Monsun Timur Laut dan kemungkinan kesan fenomena El Niño. Keselamatan nyawa perlu menjadi keutamaan, manakala aset, peralatan menangkap ikan serta kemudahan ternakan hendaklah dilindungi bagi mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian."

Berdasarkan Perangkaan Perikanan Tahunan 2025, Malaysia merekodkan seramai 96,008 orang nelayan laut yang mengoperasikan 40,165 buah vesel perikanan, selain 11,526 orang nelayan perikanan darat. Sektor akuakultur pula melibatkan 14,355 orang penternak yang mengusahakan kawasan ternakan seluas 22,981 hektar.

Komuniti perikanan perlu memberi perhatian kepada langkah keselamatan dan perlindungan aset masing-masing sepanjang tempoh berkenaan. Persediaan awal penting bagi mengurangkan risiko kemalangan, kerosakan peralatan, kehilangan stok ternakan serta gangguan kepada kegiatan menangkap dan menternak ikan.

Bagi subsektor perikanan tangkapan, laut bergelora, ribut dan angin kencang boleh mengehadkan operasi ke laut, mengurangkan hasil tangkapan serta menyebabkan kerosakan vesel dan peralatan. Nelayan dinasihatkan supaya memeriksa keadaan vesel, memastikan kelengkapan keselamatan berfungsi, memakai jaket keselamatan dan tidak turun ke laut apabila keadaan tidak selamat.

Nelayan perikanan darat pula perlu berwaspada terhadap hujan lebat, banjir dan arus deras di sungai serta perairan darat. Mereka disaran mengelakkan kawasan berisiko dan menyimpan peralatan menangkap ikan di tempat yang selamat bagi mengurangkan risiko kerosakan atau kehilangan.

Subsektor akuakultur turut berdepan risiko akibat cuaca panas dan kemarau yang boleh menjejaskan kualiti air serta meningkatkan risiko penyakit dan kematian ikan. Hujan lebat dan banjir pula boleh merosakkan kolam serta sangkar dan menyebabkan ikan terlepas. Berdasarkan analisis unjuran, pengeluaran akuakultur berpotensi menurun sehingga 38.6 peratus.

Sehubungan itu, penternak disaran memantau kualiti air secara berkala, memastikan sistem saliran berfungsi dengan baik dan mengukuhkan struktur kolam serta sangkar. Makanan ikan, benih, ubat-ubatan dan input pengeluaran lain juga perlu disimpan di tempat yang selamat bagi mengurangkan kerosakan serta kerugian.

“DOF sentiasa memberi perhatian terhadap perubahan cuaca yang berpotensi menjejaskan aktiviti perikanan dan pengeluaran akuakultur. Justeru, semua pengusaha perlu memantau ramalan cuaca, mematuhi arahan pihak berkuasa serta melaksanakan langkah pencegahan yang bersesuaian dengan keadaan di lokasi masing-masing,” katanya.

DOF menasihatkan semua nelayan, penternak dan pengusaha perikanan supaya mengikuti perkembangan cuaca serta amaran rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman web (https://www.met.gov.my) atau aplikasi myCuaca. Semua pihak hendaklah mematuhi arahan pihak berkuasa dan mengutamakan keselamatan sepanjang menjalankan aktiviti perikanan dan akuakultur.

**- TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya
E-mel : ukk@dof.gov.my